



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

**MAJLIS SUMBANGAN BUKU KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL DI NEGERI KEDAH**

11 OGOS 2024 (AHAD)

2.30 PETANG

**KEDAH DIGITAL LIBRARY,
ALOR SETAR, KEDAH**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*)

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan yang Maha Esa kerana kita dapat berhimpun pada petang yang berbahagia ini bagi Majlis Sumbangan Buku kepada Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Kedah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan Kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia Negeri Kedah, Persatuan Penulis Tamil Iyal Malaysia dan Digital Association Of Women In Malaysia (DawN Malaysia).

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada YB Dato' Hajah Halimaton Shaadiah binti Saad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah kerana bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi program ini. Niat murni YB adalah sangat bermakna kepada KPN dan pada

masa yang sama, kami juga berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat perpustakaan digital ini yang sangat indah.

3. Tidak lupa juga kepada Yang Berusaha Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Encik Shahizan Affandi bin Zakaria, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah serta pegawai-pegawai yang terlibat kerana bertungkus-lumus membuat segala persediaan yang sewajarnya dalam menganjurkan usaha murni ini dengan jayanya. Saya percaya program ini tidak dapat mencapai kejayaannya tanpa sokongan yang padu daripada PNM dan PPA Kedah.

PENGENALAN MAJLIS

4. Untuk makluman hadirin semua, program sumbangan buku ini adalah idea daripada Cik Pon Kogilam iaitu Pengurus Persatuan Penulis Tamil Iyal Malaysia. Beliau telah berjumpa dengan saya dan menyampaikan idea untuk bekerjasama dengan PNM untuk menjayakan inisiatif ini. Beliau tidak dapat hadir pada hari ini namun Penasihat Persatuan Iyal Negeri Kedah iaitu Dr. Ganesan Arumugam yang juga merupakan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman ada bersama kita.

5. Program pertama kita di Lembah Kelang telah dilaksanakan pada 17 Julai 2024 di PNM. Sebanyak lapan (8) buah SJKT dari Selangor dan tiga (3) buah sekolah dari Kuala Lumpur terlibat dalam program tersebut. Bagi program kita di Kedah pada petang ini, sebanyak enam belas (16) buah sekolah akan terlibat seperti berikut:-
- i. Sjkt Ladang Victoria;
 - ii. Sjkt Ladang Bukit Selarong;
 - iii. Sjkt Arumugam Pillai;
 - iv. Sjkt Kulim;
 - v. Sjkt Mahajothi;
 - vi. Sjkt Barathy;
 - vii. Sjkt Ladang Scarboro Bahagian 2;
 - viii. Sjkt Ladang Sungai Bongkok;
 - ix. Sjkt Ladang Batu Pekaka;
 - x. Sjkt Kalaivani;
 - xi. Sjkt Ladang Somme;
 - xii. Sjkt Taman Keladi;
 - xiii. Sjkt Ladang Kuala Muda Bahagian Home;
 - xiv. Sjkt Sungai Tok Pawang;
 - xv. Sjkt Padang Meiha; dan
 - xvi. Sjkt Anak Kulim.

6. Untuk makluman para hadirin, Encik Karthigasu iaitu Guru Besar SJKT Ladang Victoria dan juga Pengerusi Persatuan Guru Besar SJKT Negeri Kedah telah turut serta untuk membantu menyelaraskan program ini agar buku-buku tersebut dapat disampaikan kepada sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti. Buku-buku yang akan disampaikan ini adalah hasil daripada sumbangan Puan Sarojini iaitu Pengerusi Persatuan *Digital Association of Women in Malaysia* (DawN) dan PNM sendiri.
7. Pada masa yang sama, Cik Pon Kogilam juga telah menyatakan hasrat untuk mewujudkan Bank Buku di seluruh negara agar dapat menggalakkan orang ramai bagi menderma buku-buku yang tidak digunakan dan berada dalam keadaan yang masih boleh digunakan. Ini dapat menambahkan lagi bilangan buku-buku di semua perpustakaan SJKT dan menanam minat membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah.
8. Saya telah dimaklumkan oleh KP PNM iaitu Puan Salasiah bahawa idea bank buku tersebut telah dipersetujui oleh semua Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri di setiap negeri dan kotak sumbangan telah disediakan. Inisiatif ini akan dilaksanakan

sehingga hujung bulan Ogos dan berterusan. Selepas itu, buku-buku yang diterima akan diagihkan kepada sekolah-sekolah SJKT yang akan dikenal pasti.

9. Saya menyeru kepada semua pihak agar idea ini akan diwar-warkan dengan meluas dan sumbangan buku boleh disalurkan terus kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri di setiap negeri.

INISIATIF BAGI MENYUBURKAN BUDAYA MEMBACA

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian.

10. Menurut Pelaksanaan program ini amat bermakna dalam menyuburkan lagi budaya membaca di negara kita. Budaya membaca itu sendiri adalah antara nilai-nilai murni yang wajib diamalkan sepanjang hayat kerana tiada had umur dalam menimba ilmu pengetahuan. Bak kata pepatah, Bangsa Berjaya adalah Bangsa yang Membaca.
11. Pelbagai faedah yang akan kita peroleh sekiranya kita membaca. Membaca pelbagai jenis bidang boleh meningkatkan kadar kecerdasan minda dan boleh menambah pengetahuan seseorang individu.

Membaca juga dapat memerdekaakan minda kita daripada dibelenggu kejahilan.

12. Perpustakaan adalah tempat menyimpan pelbagai sumber ilmu dan maklumat di samping menyediakan perkhidmatan perpustakaan untuk kegunaan orang ramai yang dahagakan ilmu dan pengetahuan. Perpustakaan Negara Malaysia akan terus memperbanyakkan aktiviti galakan membaca kepada semua lapisan masyarakat agar minat membaca boleh dijadikan rutin harian dalam melahirkan Malaysia MADANI seperti yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah berganding bagi dalam menjayakan majlis ini. Saya sangat berharap agar program sumbangan buku ini akan menjadi satu teladan kepada semua lapisan masyarakat dan terus menyumbang buku kepada sekolah-sekolah yang memerlukan.
14. Pada masa yang sama, saya juga berharap semua orang akan turut serta dalam menjayakan bank buku

yang akan diwujudkan di setiap Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Dengan ini, sukacitanya saya merasmikan Majlis Sumbangan Buku kepada Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Kedah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan Kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia Negeri Kedah, Persatuan Penulis Tamil Iyal Malaysia dan Digital Association Of Women In Malaysia (DawN Malaysia).

Sekian, terima kasih.